

SOALAN NO: 137

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH (SANDAKAN)
TARIKH :
SOALAN : 137**

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan Kementerian termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan ke Negeri Sabah dari tahun 2011 hingga 2016. Nyatakan projek-projek yang dilakukan di hospital-hospital Sabah dari tahun 2007 hingga 2016.

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan di Negeri Sabah bagi pembinaan fasiliti baru dan menaiktaraf fasiliti sedia ada pada tahun 2012 – 2016 adalah seperti berikut:

- i) Tahun 2012 - RM67,821,283;
- ii) Tahun 2013 - RM103,183,746;
- iii) Tahun 2014 - RM109,740,749;
- iv) Tahun 2015 - RM72,244,268; dan
- v) Tahun 2016 - RM102,062,171

110

Projek fizikal hospital di Negeri Sabah dari tahun 2007 sehingga 2016 adalah seperti berikut:-

- 1 membina pusat perubatan nukleus dan radiotherapi Hospital Pakar Likas, Kota Kinabalu (SMC);
- 2 membina bangunan wad Hospital Mesra, Bukit Padang, Kota Kinabalu;
- 3 blok menara Queen Elizabeth Hospital (QEH), Kota Kinabalu;
- 4 menaik taraf Hospital Tuaran;
- 5 naiktaraf Hospital Beaufort, Sabah
- 6 menaiktaraf jabatan pesakit luar Hospital Tambunan, Sabah;
- 7 naiktaraf blok wad lama Hospital Duchess Of Kent Sandakan, Sabah;
- 8 membina jabatan kecemasan Hospital Beaufort;
- 9 membina jabatan kecemasan Hospital Beluran;
- 10 naiktaraf jabatan kecemasan Hospital Kota Belud;
- 11 naiktaraf makmal kajikuman Hospital Kudat;
- 12 naiktaraf unit fisio/cara kerja Hospital Kudat;
- 13 membina jabatan kecemasan Hospital Semporna;
- 14 membina bangunan jabatan kecemasan dan dewan bedah Hospital Tenom;
- 15 naiktaraf dewan bedah dan hemodialisis Hospital Papar, Sabah;
- 16 naiktaraf jabatan farmasi Hospital Duchess Of Kent Sandakan;
- 17 menaiktaraf sistem pembentungan di Hospital Ranau;
- 18 naiktaraf Hospital Papar

- 19 penggantian lif di blok pakar Hospital Duchess Of Kent, Sandakan;
- 20 naiktaraf Hospital Kota Marudu;
- 21 naiktaraf gas perubatan Hospital Tawau;
- 22 naiktaraf gas perubatan Hospital Kudat;
- 23 naiktaraf Hospital Tawau dan bangunan TPN/ CDR;
- 24 naiktaraf sistem penghawa dingin Hospital Sipitang;
- 25 kuarters integrasi Hospital Kudat, Sabah;
- 26 kuarters Hospital Semporna, Sabah;
- 27 kuarters integrasi Hospital Ranau, Sabah;
- 28 rumah kakitangan 16g, Hospital Ranau;
- 29 naiktaraf sistem pembentungan, Hospital Mesra, Bukit Padang;
dan
- 30 naiktaraf blok wad lama dan jabatan Farmasi Hospital Duchess Of
Kent, Sandakan

Manakala peruntukan mengurus bagi negeri Sabah dari tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti berikut:

- i) Tahun 2011 - RM1,304,665,096;
- ii) Tahun 2012 - RM1,396,718,030;
- iii) Tahun 2013 - RM1,642,453,657;
- iv) Tahun 2014 - RM1,864,452,187;
- v) Tahun 2015 – RM1,908,390,217; dan
- vi) Tahun 2016 - RM2,065,704,829

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
DARIPADA FOH [SANDAKAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan peruntukan Kementerian termasuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan ke negeri Sabah dari tahun 2011 hingga 2016. Nyatakan projek-projek yang dilakukan di sekolah-sekolah Sabah dari tahun 2007 hingga 2016.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan belanja mengurus yang diluluskan dan jumlah perbelanjaan bagi negeri Sabah dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan
2014	3,498,076,245.08
2015	3,495,818,613.68
2016	3,677,208,337.10

Bagi Negeri Sabah, secara keseluruhannya sebanyak 190 projek sedang dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan dengan jumlah kos keseluruhannya adalah RM3.79 billion. Projek-projek ini merupakan projek-projek yang telah diluluskan pelaksanaannya semenjak RMKe-10 (Tahun 2006-2010) dan RMKe-11 (Tahun 2016-2017) dan disambung pembinaannya dalam RMKe-11.

KPM juga telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf sekolah-sekolah di Sabah pada tahun 2015 sebanyak RM 187.81 juta, tahun 2016 sebanyak RM 14.74 juta dan tahun 2017 sebanyak RM20.94 juta.

114

SOALAN (139)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :-

**YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan peruntukan yang diberi daripada
Kerajaan Persekutuan ke setiap Kerajaan tempatan di seluruh
Malaysia dari tahun 2012 hingga 2016.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberikan peruntukan mengikut Perlembagaan dan Majlis Kewangan Negara ke setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia dari tahun 2012 hingga 2016 melalui 3 jenis peruntukan iaitu :

- (i) peruntukan yang diberikan bagi Sumbangan Membantu Kadar (SMK) ialah sebanyak **RM1,292 juta**;
- (ii) peruntukan Pemberian Geran Tahunan yang diberikan ialah sebanyak **RM1,511 juta**; dan
- (iii) peruntukan yang diberikan bagi Bil Elektrik / Lampu ialah sebanyak **RM563.54 juta**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017